

Oleh Zulfa Mohamad
am@hmetro.com.my
Kepala Batas

Ribuan pengguna yang melalui jalan sepanjang Permatang Pak Elong hingga Permatang Binjai, dekat sini, berdepan risiko kemalangan berikutan beberapa bahagian tali air berkenaan runtuh akibat hakisan.

Difahamkan, laluan itu menjadi tumpuan pengguna jalan untuk ke Butterworth dan ketika ini terdapat tiga bahagian runtuhan dikesan namun kebanyakan pengguna tidak menyedari bahaya berkenaan.

Seorang penduduk Sufian Ahmad, 30, berkata, dia menyedari tiga kejadian tebing tali air itu runtuh baru-baru ini ketika dalam perjalanan ke Butterworth.

“Tebing yang runtuh semakin hampir dengan jalan dan boleh mengundang nahas terutama kepada penunggang motosikal, tetapi saya percaya ramai tidak menyedarinya kerana terlindung dengan lalang.

“Tebing yang runtuh akan bertambah serius jika paras

TEBING tali air yang runtuh berhampiran Permatang Pak Elong mengundang bahaya kepada pengguna jalan.



Hakisan undang malapetaka

■ Ribuan pengguna jalan Permatang Pak Elong hingga Permatang Binjai terdedah risiko kemalangan

air meningkat kerana tali air berkenaan digunakan untuk mengairi sawah padi berhampiran,” katanya kepada Metroplus ketika ditemui baru-baru ini.

Sebelum ini, rumah seorang penduduk di Permatang Pak Elong hampir roboh berikutan tebing tali air berkenaan runtuh, namun tindakan pantas Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memasang tembok konkrit berjaya mengelakkan kejadian lebih buruk.

Sufian berkata, walaupun runtuhan berlaku jauh dari rumah penduduk, tindakan proaktif perlu diambil sebelum kejadian tidak diingini berlaku.

“Mungkin besi penghadang wajar dipasang sepanjang tali air berkenaan bagi mengelakkan pengguna terutama penunggang motosikal terjatuh ke dalam tali air yang mempunyai kedalaman hampir dua meter,” katanya.

Sementara itu, jurucakap JPS Pulau Pinang berkata, pihaknya akan menyiasat aduan berkenaan sebelum mengambil sebarang tindakan susulan.